

HONG LEONG BANK BERHAD
Akaun 3-in-1 Junior**Terma & Akaun**

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong, Terma dan Syarat e-Penyata, Terma dan Syarat bagi Connect oleh HLB (seperti ditakrif di bawah) dan mana-mana terma dan syarat berkenaan lain yang dikenakan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar, termasuk kaedah dan peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

1.0 Takrif

“ATM”	Mesin Juruwang Automatik (i) yang dipasang oleh HLB/HLISB atau mana-mana ahli Rangkaian ATM Kongsi (SAN) dan/atau (ii) yang ditetapkan oleh HLB/HLISB atau Visa/Mastercard untuk kegunaan pemegang kad.
“CASA/CASA-i”	Akaun Semasa dan Simpanan HLB/Akaun Semasa dan Simpanan-i HLISB.
“CDM”	Mesin Deposit Tunai yang dipasang oleh HLB/HLISB untuk anda membuat deposit dan transaksi pembayaran secara tunai.
“kanak-kanak”	Individu bawah lapan belas (18) tahun, yang merupakan benefisiari 3-in-1 JA.
“Connect”	Perkhidmatan perbankan Internet yang disediakan oleh HLBB/HLISB untuk membolehkan anda melakukan transaksi perbankan dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau apa-apa peranti elektronik menerusi pelayar internet dengan Kod Keselamatan; dan termasuk perkhidmatan yang ditambah, diubah atau ditarik balik oleh HLB/HLISB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa.
“Pelanggan”	Pemegang akaun utama bagi 3-in-1 JA, yang merupakan ibu bapa/penjaga sah kanak-kanak itu.
“Cawangan Domisil”	Cawangan HLB di mana 3-in-1 JA dibuka dan diselenggara.
“HLB”	Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.
“HLISB”	Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.
“IBG”	Giro Antara Bank.
“3-in-1 JA”	Akaun 3-in-1 Junior yang merangkumi tiga (3) akaun, iaitu Akaun Simpanan Junior, Deposit Tetap Junior dan Kad Junior Debit (yang dipautkan kepada Akaun Isian Semula).
“JSA”	Akaun Simpanan Junior yang merupakan akaun simpanan yang diselenggara dengan HLB dan kanak-kanak adalah benefisiarinya.
“JFD”	Deposit Bertempoh yang diletak oleh Pelanggan ke dalam Akaun JFD untuk menikmati kadar faedah tinggi khusus buat kanak-kanak itu.
“Akaun JFD”	Akaun Deposit Tetap Junior, yang merupakan akaun deposit tetap yang diselenggara dengan HLB, dan kanak-kanak adalah benefisiarinya.
“JDC”	Kad Junior Debit, yang dikenali sebagai kad debit Isian Semula. JDC dipautkan kepada Akaun Isian Semula dan dikeluarkan kepada Pelanggan untuk kemudahan kanak-kanak itu. Kad ini dikeluarkan kepada kanak-kanak dengan persetujuan Pelanggan.
“bulan”	Bulan Kalendar.
“Bukan Cawangan Domisil”	Mana-mana cawangan HLB selain Cawangan Domisil.
“Akaun Isian Semula”	Akaun maya yang dipautkan kepada JDC.

2.0 Gambaran Keseluruhan Akaun 3-in-1 Junior

- (a) 3-in-1 JA adalah akaun “Dewasa untuk Kanak-kanak” iaitu ibu bapa/penjaga sah menjadi pemegang akaun utama manakala kanak-kanak menjadi benefisiari akauntersebut. Hanya ada satu (1) benefisiari bagi setiap 3-in-1 JA.
- (b) Permohonan 3-in-1 JA mestilah dibuat oleh Pelanggan.
- (c) JSA, Akaun JFD dan Akaun Isian Semula (dipautkan kepada JDC) akan dibuat serentak dengan pembukaan 3-in-1 JA. Pelanggan boleh menyelenggara Akaun JFD dan Akaun Isian Semula dipautkan kepada JDC dengan baki sifar (0). Walau bagaimanapun, mestilah ada baki minimum Ringgit Malaysia Satu (RM1) dalam JSA pada setiap masa, jika tidak JSA akan ditutup.
- (d) Pengeluaran JDC adalah atas pilihan jika diminta.
- (e) e-penyata bulanan boleh didapati melalui Hong Leong Connect.
- (f) Pelanggan berhak sepenuhnya untuk mengendalikan dan menutup 3-in-1 JA.

3.0 Akaun-akaun dalam 3-in-1 JA

3.1	Akaun Simpanan Junior	<ol style="list-style-type: none"> (a) Deposit minimum Ringgit Malaysia Satu (RM1) perlu untuk membuka JSA. (b) Faedah untuk JSA akan dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki pada akhir setiap hari dan akan dikreditkan ke dalam JSA pada hari akhir setiap bulan. (c) Jika berlaku penutupan 3-in-1 JA, faedah akan dikira secara pro-rata berdasarkan bilangan hari akaun itu kekal aktif bagi sesuatu bulan dan akan dikreditkan pada hari akaun itu ditutup.
3.2	Akaun Deposit Tetap Junior	<ol style="list-style-type: none"> (a) Peletakan deposit minimum deposit yang perlu bagi JFD ialah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000). (b) JFD hanya disediakan dengan tempoh 12, 24, 36, 48 dan 60 bulan (“Tempoh”). HLB berhak mengubah Tempoh pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar. (c) Peletakan JFD hanya boleh dibuat Melalui Kaunter (“OTC”) di mana-mana cawangan HLB atau melalui arahan tetap (“SI”) daripada JSA. (d) Semua faedah yang diperolehi daripada JFD akan dikreditkan ke dalam JSA setiap bulan. (e) Peletakan yang dibuat dalam JFD tidak melibatkan pengeluaran resit. Semua transaksi dan aktiviti JFD akan dipaparkan dalam e-penyata bulanan Akaun 3-in-1 Junior. <p>3.2.1 Arahan Tetap bagi Peletakan JFD</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Pelanggan boleh membuat peletakan JFD daripada JSA melalui SI (terhad kepada sekali sebulan). (b) SI mestilah dibuat di Cawangan Domisil sahaja. (c) Pelanggan mestilah menyebut tarikh peletakan dan Tempoh pilihan bagi peletakan JFD daripada JSA dengan peletakan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) atau dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) sehingga maksimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sahaja sebulan. (d) Untuk membolehkan peletakan JFD daripada JSA melalui SI, baki minimum Ringgit Malaysia (RM1,000) mestilah dikekalkan dalam JSA selepas peletakan JFD itu dibuat. Jika tidak, SI tidak akan dilaksanakan. (e) Faedah bagi peletakan JFD melalui SI daripada JSA akan berdasarkan kadar rasmi semasa JFD bagi Tempoh berkenaan dan dipaparkan dalam e-penyata bulanan Akaun 3-in-1 Junior.

		<p>3.2.2 <u>Pengeluaran Sebahagian dan Pengeluaran Pramatang JFD</u></p> <p>(a) Pengeluaran sebahagian JFD dibenarkan semasa dalam Tempoh dengan syarat baki JFD sebelum pengeluaran sebahagian itu melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000). Jika tidak, pengeluaran sebahagian tersebut akan dianggap pengeluaran pramatang bagi keseluruhan JFD.</p> <p>(b) Pengeluaran sebahagian JFD boleh dibuat di mana-mana cawangan, iaitu Cawangan Domisil atau Bukan Cawangan Domisil.</p> <p>(c) Pengeluaran sebahagian JFD adalah dibenarkan dengan pengeluaran Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) atau dalam gandaan Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) atau apa-apa amaun lain yang akan ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar.</p> <p>(d) Baki jumlah peletakan JFD akan terus menikmati kadar JFD seperti yang ditetapkan.</p> <p>(e) Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang JFD, tanpa mengambil kira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang itu dibuat.</p>
<p>3.3</p>	<p>Kadar Kad Debit Junior (Isian Semula)</p>	<p>(a) JDC dipautkan kepada Akaun Isian Semula.</p> <p>(b) Tiada Faedah bagi baki di dalam Akaun Isian Semula.</p> <p>(c) Bahagian Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan <u>Terma dan Syarat Kad Debit Hong Leong</u> dengan pengecualian berikut:</p> <p>(i) "e-Akaun" tidak terpakai;</p> <p>(ii) "Pemegang Akaun Bersama" tidak terpakai;</p> <p>(iii) Transaksi JDC akan dipaparkan dalam e-penyata bulanan 3-in-1 JA.</p> <p>(iv) Kod Keselamatan – Hanya ATM PIN akan diberi.</p> <p>3.3.1 <u>Akaun Dorman</u></p> <p>(a) Akaun Isian Semula akan menjadi dormant secara automatik jika JSA menjadi dormant.</p> <p>(b) JDC tidak akan lagi menjadi sah untuk digunakan apabila JSA dan Akaun Isian Semula menjadi dormant.</p> <p>(c) Baki akaun di dalam Akaun Isian Semula akan dipindahkan balik kepada JSA pada hari sebelum Akaun Isian Semula menjadi dormant.</p> <p>(d) Pelanggan boleh mengaktifkan semula akaun-akaun dormant itu dengan melakukan transaksi dalam JSA. Status pengaktifan semula Akaun Isian Semula hanya akan dikemaskini pada hari berikutnya setelah transaksi dan pengaktifan semula JSA berjaya dilakukan.</p> <p>3.3.2 <u>Isian Semula JDC</u></p> <p>(a) Pelanggan mestilah melakukan isian semula kredit ke dalam Akaun Isian Semula sebelum menggunakan JDC.</p> <p>(b) Dua (2) pilihan tambah nilai yang tersedia bagi JDC seperti berikut:</p>

		<p>1. Isian Semula Auto</p>	<p>Pelanggan mempunyai pilihan untuk melangani perkhidmatan isian semula automatik (“Isian Semula Auto”) untuk menambah nilai tunai secara automatik ke dalam AkaunIsian Semula.</p> <p>(i) Perkhidmatan Isian Semula Auto hanya tersedia daripada JSA kepada AkaunIsian Semula.</p> <p>(ii) Setelah JDC dikeluarkan, Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) didebitkan daripada JSA dan akan diisi semula secara automatik ke dalam Akaun Isian Semula dengan syarat Pelanggan telah memilih perkhidmatan Isian Semula Auto.</p> <p>(iii) Isian Semula Auto akan dilaksanakan apabila sahaja baki dalam Akaun Isian Semula susut bawah ambang Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50).</p> <p>(iv) Amaun Isian Semula Auto minimum ialah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dan dalam gandaan Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) sehingga maksimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) sebulan.</p> <p>(v) Isian Semula Auto tertakluk kepada jadual tambah nilai harian pada 6:00 pagi, 1:00 petang dan 5:00 petang (“Jadual Isian Semula”). Sebarang Isian Semula Auto yang diperlukan selepas 5:00 petang akan dijadualkan untuk Isian Semula pada keesokan harinya.</p> <p>(vi) Hanya satu (1) Isian Semula Auto dibenarkan dalam sehari.</p> <p>(vii) Perkhidmatan Isian Semula Auto disediakan secara percuma.</p>
		<p>2. Isian Semula Manual</p>	<p>Isian Semula Manual boleh dilakukan melalui OTC, CDM, ATM dan Connect ke dalam AkaunIsian Semula.</p> <p>(i) OTC:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ringgit Malaysia Dua (RM2) akan dikenakan bagi setiap Isian Semula melalui OTC. Amaun ini akan dipotong daripada amaun isian semula (misalnya, Isian Semula Manual Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun Isian Semula ialah Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan (RM48)). <p>(ii) CDM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masukkan JDC ke dalam CDM atau tekan nombor JDC enam belas (16) digit untuk isian semula • Isian semula melalui CDM adalah percuma. <p>(iii) ATM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masukkan Kad Debit HLB Pelanggan ke dalam ATM dan tekan nombor JDC enam belas (16) digit untuk isian semula. • Isian semula melalui ATM adalah percuma. <p>(iv) Connect:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layari www.hongleongconnect.my dan pindahkan daripada mana-mana CASA/CASA-i ke dalam nombor JDC enam belas (16) digit. • Isian semula menerusi Connect adalah percuma.

4.0 Transaksi

4.1	Transaksi yang dibenarkan di ATM dengan JDC	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pertanyaan Baki (bagi AkaunIsian Semula); (b) Pengeluaran Tunai ATM (daripada Akaun Isian Semula); (c) Tukar PIN Kad Debit; (d) Tukar Had Kredit ; (e) Permohonan Penyata Mini.
4.2	Transaksi dibenarkan di Connect	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pendaftaran bagi akses Connect mestilah dilakukan oleh Pelanggan. (b) Pelanggan boleh membuat pertanyaan baki dan transaksi terperinci JSA, JFD dan JDC. (c) Pelanggan boleh melakukan transaksi kredit seperti deposit ke dalam JSA melalui IBG atau DuitNow. (d) Pelanggan tidak dibenarkan membuat transaksi debit seperti pengeluaran atau pindahan daripada JSA, JFD atau Akaun Isian Semula menerusi Connect.

5.0 Pembatalan manfaat 3-in-1 JA apabila benefisiari mencapai umur lapan belas (18) tahun

- (a) Segala manfaat di bawah 3-in-1 JA akan terus dibatalkan pada bulan berikutnya setelah benefisiari mencapai umur **lapan belas (18)** tahun. JSA akan bertukar secara automatik kepada akaun simpanan biasa ("**Akaun Simpanan**") atas nama-nama bersama iaitu Pelanggan sebagai pemegang akaun utama dan benefisiari sebagai pemegang akaun kedua.
- (b) Nombor akaun JSA akan dikekalkan dan diguna pakai kepada Akaun Simpanan, yang tertakluk kepada **Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit**.
- (c) JFD sedia ada (jika ada) akan kekal mengikut kadar dan tempoh ditetapkan sehinggalah tarikh matang, pada ketika itu nanti: (i) JFD tidak akan diperbaharui lebih lanjut; dan (ii) amaun pokok JFD serta faedahnya akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan apabila matang.
- (d) JFD sedia ada (jika ada) akan kekal mengikut kadar dan tempoh ditetapkan sehinggalah tarikh matang, pada ketika itu nanti: (i) JFD tidak akan diperbaharui lebih lanjut; dan (ii) amaun pokok JFD serta faedahnya akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan apabila matang.
- (e) e-Penyata suku tahunan JFD akan dikeluarkan pada bulan Mac, Jun, September dan Disember tahun kalendar untuk menggantikan e-Penyata Akaun 3-in-1 Junior dan akan disediakan melalui Connect.
- (f) Juga JDC tidak lagi sah untuk terus digunakan. Akaun Isian Semula akan ditutup secara automatik apabila sahaja JSA bertukar menjadi Akaun Simpanan, dan baki yang masih ada akan dipindahkan kepada Akaun Simpanan. Benefisiari dikehendaki datang ke mana-mana cawangan HLB/HLISB dengan membawa MyKad untuk tujuan menggantikan JDC dengan kad debit baharu yang dipautkan kepada Akaun Simpanan.
- (g) Pemberitahuan bertulis akan dikeluarkan oleh HLB kepada Pelanggan pada masa yang sesuai tentang penukaran JSA kepada Akaun Simpanan.

6.0 Fi dan Caj bagi 3-in-1 JA

- Pengeluaran tunai OTC hanya boleh dibuat dengan mengisi borang ditetapkan dan menunjukkan dokumen-dokumen yang dikehendaki HLB.
- HLB berhak mengubah kaedah atau cara pengeluaran tunai pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar.
- Fi tidak dikenakan bagi pengeluaran OTC yang pertama bagi setiap bulan kalendar. Fi perkhidmatan **Ringgit Malaysia Dua (RM2)** akan dikenakan bagi setiap pengeluaran seterusnya dalam bulan yang sama.
- Transaksi pengeluaran adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada semua transaksi debit seperti pengeluaran tunai dan pindahan debit yang dilakukan secara OTC tetapi tidak termasuk SI dan penutupan akaun.

Keterangan	Fi/Caj (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
Fi Pengeluaran JDC	RM8 setiap kad
Fi Tahunan JDC	RM8 setiap kad
Fi Penggantian JDC (Bagi JDC yang rosak atau hilang/kecurian)	RM18 setiap kad
Fi Isian Semula JDC Melalui <ul style="list-style-type: none"> Isian Semula Auto (Daripada JSA kepada JDC) OTC CDM (Tunai kepada JDC) ATM (Daripada Kad Debit HLB kepada JDC) Connect (Daripada CASA/CASA-i kepada JDC) 	Tiada Fi RM2 Tiada Fi Tiada Fi Tiada Fi
Semak Butiran Transaksi JDC <ul style="list-style-type: none"> Melalui Connect Penyata Mini melalui ATM 	Tiada Fi Tiada Fi
Pengeluaran Tunai ATM <u>Dalam Negara</u> <ul style="list-style-type: none"> ATM HLB/HLISB ATM Bank Lain <u>Luar Negara</u> <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Tunai Merentas Sempadan melalui Rangkaian Paypal MEPs Melalui VISA PLUS 	Tiada Fi RM1 setiap transaksi RM8 setiap transaksi RM12 setiap transaksi
Pengeluaran Tunai OTC <ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran Pertama (dalam bulan) Pengeluaran seterusnya (dalam bulan sama) 	Tiada Fi RM2

Keterangan	Fi/Caj (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan)
<p>Transaksi Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Transaksi dibuat dalam mata wang selain Ringgit Malaysia • Transaksi dibuat dalam Ringgit Malaysia melalui DCC 	<p>Transaksi akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh diproses oleh Visa atau Mastercard dan pada kadar pertukaran asing ditentukan oleh Visa atau Mastercard. Fi berikut akan dikenakan ke atas penukaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) 1% fi transaksi dikenakan oleh Visa atau Mastercard; dan (ii) 1% tambahan penukaran tukaran asing dikenakan oleh Bank. <p>Bagi ATM, laman web atau peniaga tertentu di luar negara, Pemegang Kad mungkin diberi pilihan menggunakan perkhidmatan Penukaran Mata Wang Dinamik (“DCC”) untuk menukar transaksi mata wang asing mereka kepada Ringgit Malaysia. Akan tetapi, jika DCC dipilih:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kadar tukaran asing yang digunakan oleh peniaga bagi transaksi DCC mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard; dan (ii) Pemegang Kad akan dikenakan 1% fi transaksi atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukar, iaitu merupakan fi yang dikenakan oleh Visa atau Mastercard.
<p>Fi Dapat Semula Draf Jualan</p>	<p>RM20</p>

Dilindungi PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.